

**TEKS UCAPAN Y.BHG. DATUK HIMMAT SINGH
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KERJA RAYA**

SEMPENA

**PERHIMPUNAN BULANAN
KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**29 NOVEMBER 2011 (SELASA)
DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

Y.Bhg. Puan Sri Dato' Zaiton Mahd Ali
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)
Kementerian Kerja Raya

Y.Bhg. Dato' Hj. Nasir bin Mat Dam
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)
Kementerian Kerja Raya

Y. Bhg. Dato' Hj. Mohd Noor bin Yaakob
Ketua Pengarah Kerja Raya
Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)

Y. Bhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin Bin Abd Karim
Ketua Eksekutif
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

Y.Bhg. Dato' Ir. Haji Ismail Bin Md Salleh
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

Y.Bhg Ir. Ahmad Asri Bin Abdul Hamid
Presiden Pusat Pembangunan Perkhidmatan Profesional (PSDC)

Y. Bhg Dato'–Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan,

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi

1. Terlebih dahulu, saya ingin menyampaikan salam YB. menteri Kerja Raya. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak urusetia kerana menjemput saya ke Majlis Perhimpunan Bulanan bagi Bulan November 2011 ini. Saya begitu gembira kerana Majlis perhimpunan bulanan ini merupakan majlis rasmi saya bertemu dengan warga Kerja Raya semenjak menjawat jawatan KSU pada 22 Oktober yang lalu.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

2. Tirai bagi tahun 2011 sudah hampir dilabuhkan. Apabila mengimbuai kembali pencapaian Kementerian Kerja Raya sepanjang tahun ini, dapat kita lihat beberapa siri kejayaan gemilang yang perlu diteruskan kecemerlangannya. Pencapaian 4 bintang bagi Indeks Akauntabiliti, pengiktirafan Anugerah Transaksi e-Perolehan Online Terbaik 2010, Pensijilan Semula MS ISO:9001:2008, Portal 5 bintang 2011 dan beberapa pencapaian lain membuktikan KKR berada di landasan yang tepat untuk menjadi sebuah organisasi yang berwibawa. Kejayaan-kejayaan ini seharusnya dijadikan satu momentum yang positif untuk tahun 2012 untuk kita bersama-sama berusaha meningkatkan mutu penyampaian kita kepada rakyat. Kejayaan diiktiraf kementerian berstatus lima bintang buat kali kedua pada awal tahun ini merupakan satu pengiktirafan yang bukan kebetulan, sebaliknya ia adalah usaha semua pihak di kementerian ini yang bersungguh-sungguh untuk mencapai sasaran tersebut. Namun, saya

berpandangan, jika kita diiktiraf sebegitu tinggi, seharusnya menjadi tanggungjawab kita semua dalam memastikan sistem tadbir urus dan sistem penyampaian kita kepada rakyat dan pelanggan di tahap yang terbaik.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian

3. Persekitaran semasa yang kian mencabar, semestinya mengundang banyak halangan dan dugaan bagi kita sebagai penjawat awam dalam melaksanakan tugas harian. Saya ingin menyingkap peristiwa yang baru berlalu dalam bulan ini di mana kita semua masih meraikan kejayaan pasukan bolasepak Malaysia yang meraih emas di sukan SEA, di Jakarta Indonesia. Saya percaya hampir kesemua individu yang berada di dalam dewan ini menyaksikan perlawanan tersebut. Daripada perlawanan tersebut banyak liku-liku dan cabaran yang ditempuh pasukan negara sebelum mencapai kejayaan. Kita sebagai penyokong turut memberi pandangan yang berbeza. Ada mengkritik pemain itu tidak layak menjadi penyerang, ada yang mempertikai pemain ini tidak perlu dikeluarkan dan bermacam-macam lagi andaian, kritikan malah ada juga tetap memberi sokongan dan kepercayaan terhadap semua pemain yang berada di atas padang. Akhirnya Malaysia berjaya meraih kemenangan dan menggembirakan semua pihak tadi. Analogi yang saya ingin sampaikan di sini, pasukan negara juga seperti organisasi kita, yang mana kita tidak terlepas dari kritikan, cemuhan mahupun pandangan yang negatif dari pihak-pihak tertentu. Namun, jika kita terus fokus, membulatkan azam dan semangat serta melaksanakan tanggungjawab dan tugas kita dengan amanah dan mengikut perancangan sudah tentu kejayaan akan menjadi milik kita.

Memang benar, dalam organisasi yang besar seperti di KKR ini, ada yang kuat dan ada yang lemah, namun faktor itulah yang menjadi kita unik dan saling melengkapi antara satu sama lain. Apa yang perlu, komitmen dan kesungguhan kita untuk menangani setiap cabaran yang datang dengan bijaksana.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian

4. Perkhidmatan Awam kini menggalas tanggungjawab dan cabaran yang lebih besar. Sistem penyampaian yang berkesan, cepat dan tepat merupakan elemen yang ditagih oleh pelanggan dan '*Stakeholders*'. Bagi meransang motivasi dan kecemerlangan perkhidmatan Awam ke arah perkhidmatan yang terbaik, Kerajaan telah mengambil tindakan dengan menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM) kepada Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA). Secara umumnya SBPA ini digubal dengan matlamat mentransformasikan Perkhidmatan Awam Malaysia supaya menjadi organisasi yang lebih dinamik, responsif dan berpaksikan prestasi. Kesemua proses Pekhidmatan kini akan berteraskan prestasi pegawai. Pegawai yang cemerlang dan berpotensi akan mendapat kemudahan dan laluan kerjaya yang baik manakala yang berprestasi rendah dan tidak berkompentensi pula akan menghadapi dasar pemisah (*Exit Policy*) yang telah diwujudkan bagi membolehkan mereka meninggalkan Perkhidmatan Awam. Ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan begitu komited untuk terus membela penjawat awam serta memberi kepercayaan sepenuhnya kepada penjawat-penjawat awam untuk menjadi pemacu kepada agenda transformasi negara. Pengumuman kenaikan gaji tahunan dalam SBPA dan juga bonus pada hujung tahun ini adalah insentif kepada semua

kakitangan awam supaya terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat. Saya berharap pemberian bonus ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik mungkin oleh kita semua terutamanya bagi mereka yang mempunyai anak-anak yang akan memulakan sesi persekolahan pada tahun hadapan.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian

5. Akhir kata, saya merasakan masih tidak terlalu awal untuk saya mengucapkan selamat menyambut tahun baru kepada semua warga KKR. Mungkin ada ramai di antara kita yang akan bercuti atau pulang ke kampung halaman terutamanya di waktu sesi cuti persekolahan. Pendulah berhati-hati dan ikuti semua peraturan jalan raya. Semoga tahun 2011 akan menjadi tahun yang diberkati dan tahun yang gemilang kepada kita semua.

Sekian, terima kasih